



4 November 2014
4 November 2014
P.U. (A) 289

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK (PENYAHSENARAIAAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG) 2014

STRATEGIC TRADE (DELISTING OF PROHIBITED END-USERS) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK
(PENYAHSENARAIAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 dan subseksyen 55(1) Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Penyahsenaraian Pengguna Akhir Terlarang) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 November 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Jadual” ertinya Jadual Kedua kepada Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 [*P.U. (A) 484/2010*];

“Jawatankuasa Majlis Keselamatan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan menurut suatu resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

“keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu” ertinya keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam resolusi yang dibuat di bawah Bab VII Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditandatangani di San Francisco pada 26 Jun 1945;

“orang yang ditetapkan” ertinya mana-mana individu atau entiti yang ditetapkan sebagai pengguna akhir terlarang di bawah seksyen 8 Akta dan disenaraikan dalam Jadual;

“pempetisyen” ertinya orang yang ditetapkan yang mengemukakan petisyen di bawah peraturan 3.

Petisyen penyahsenaraian

3. (1) Seseorang yang ditetapkan yang berada di Malaysia boleh meminta supaya namanya dinyah senarai daripada Jadual sebagai pengguna akhir terlarang dengan mengemukakan petisyen kepada Menteri.

(2) Petisyen di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) dalam bentuk yang ditentukan oleh Menteri;

(b) mengandungi butiran mengenai pempetisyen dan sebab bagi penyahsenaraian; dan

(c) disokong dengan dokumen yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Menteri.

(3) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas menerima petisyen di bawah subperaturan (1), menghendaki pempetisyen untuk menyediakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Menteri.

(4) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak disediakan oleh pempetisyen dalam tempoh yang dinyatakan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Menteri, petisyen itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan hendaklah tidak boleh lagi diteruskan, tanpa menjejaskan petisyen baru yang dikemukakan oleh pempetisyen.

(5) Menteri hendaklah, setelah menimbangkan petisyen di bawah subperaturan (1) dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan di bawah subperaturan (3), jika ada, memutuskan sama ada pempetisyen tidak lagi memenuhi kriteria bagi penyenaraian dalam apa-apa sanksi yang berkaitan dengan percambahan

senjata pemusnah besar-besaran yang dikenakan menurut keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

(6) Jika Menteri memutuskan bahawa pempetisyen tidak lagi memenuhi kriteria bagi penyenaraian dalam apa-apa sanksi yang berkaitan dengan percambahan senjata pemusnah besar-besaran yang dikenakan menurut keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Menteri hendaklah mengemukakan petisyen itu kepada Jawatankuasa Majlis Keselamatan bagi keputusan Jawatankuasa Majlis Keselamatan mengikut cara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan.

(7) Keputusan Menteri untuk mengemukakan atau enggan untuk mengemukakan petisyen kepada Jawatankuasa Majlis Keselamatan di bawah subperaturan (6) hendaklah disampaikan kepada pempetisyen.

(8) Keengganan Menteri untuk mengemukakan petisyen kepada Jawatankuasa Majlis Keselamatan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak menghalang pempetisyen menggunakan apa-apa cara lain bagi maksud penyahsenaraian namanya daripada Jadual, sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan.

(9) Jika Jawatankuasa Majlis Keselamatan memutuskan bahawa pempetisyen tidak lagi memenuhi kriteria bagi penyenaraian dalam apa-apa sanksi yang berkaitan dengan percambahan senjata pemusnah besar-besaran yang dikenakan menurut keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Menteri hendaklah melaksanakan keputusan Jawatankuasa Majlis Keselamatan itu dan menyah senarai pempetisyen daripada Jadual.

(10) Menteri hendaklah menyampaikan kepada pempetisyen apa-apa keputusan Jawatankuasa Majlis Keselamatan berkenaan dengan petisyen itu.

Rundingan dan kerjasama

4. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Menteri boleh berunding atau bekerjasama dengan mana-mana Kementerian atau agensi kerajaan, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Menteri.

Dibuat 3 November 2014
[MITI/STS/(S)/443; PN(PU2)628/V]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

STRATEGIC TRADE ACT 2010

STRATEGIC TRADE (DELISTING OF PROHIBITED END-USERS) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 8 and subsection 55(1) of the Strategic Trade Act 2010 [*Act 708*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Strategic Trade (Delisting of Prohibited End-Users) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 5 November 2014.

Interpretation

2. In these Regulations—

“Schedule” means the Second Schedule to the Strategic Trade (Restricted End-Users and Prohibited End-Users) Order 2010 [*P.U. (A) 484/2010*];

“Security Council Committee” means a committee established pursuant to a resolution of the United Nations Security Council;

“decision of the United Nations Security Council” means a decision of the United Nations Security Council in resolutions made under Chapter VII of the Charter of the United Nations signed at San Francisco on 26 June 1945;

“designated person” means any individual or entity designated as a prohibited end-user under section 8 of the Act and listed in the Schedule;

“petitioner” means a designated person who submits a petition under regulation 3.

Delisting petition

3. (1) A designated person who is in Malaysia may request to have his name be delisted from the Schedule as a prohibited end-user by submitting a petition to the Minister.

(2) A petition under subregulation (1) shall—

(a) be in a form determined by the Minister;

(b) contain particulars of the petitioner and reasons for the delisting;
and

(c) supported by relevant documents as the Minister considers necessary.

(3) The Minister may, at any time after the receipt of a petition under subregulation (1), require the petitioner to provide any additional documents or information within the period specified by the Minister.

(4) If the additional document or information required under subregulation (3) is not provided by the petitioner within the period specified or any extended period granted by the Minister, the petition shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceeded with, without prejudice to a fresh petition being submitted by the petitioner.

(5) The Minister shall, after considering the petition under subregulation (1) and any additional document or information under subregulation (3), if any, decide whether the petitioner no longer meets the criteria for listing in any sanction in connection with the proliferation of weapons of mass destructions imposed pursuant to a decision of the United Nations Security Council.

(6) If the Minister decides that the petitioner no longer meets the criteria for listing in any sanction in connection with the proliferation of weapons of mass

destructions imposed pursuant to a decision of the United Nations Security Council, the Minister shall submit the petition to the Security Council Committee for a decision of the Security Council Committee in a manner determined by the Security Council Committee.

(7) The decision of the Minister to submit or refuse to submit the petition to the Security Council Committee under subregulation (6) shall be communicated to the petitioner.

(8) The refusal of the Minister to submit the petition to the Security Council Committee under these Regulations shall not prevent the petitioner from using any other means for the purposes of the delisting of his name from the Schedule, as determined by the Security Council Committee.

(9) If the Security Council Committee decides that the petitioner no longer meets the criteria for listing in any sanction in connection with the proliferation of weapons of mass destructions imposed pursuant to a decision of the United Nations Security Council, the Minister shall give effect to the decision of the Security Council Committee and delist the petitioner from the Schedule.

(10) The Minister shall communicate to the petitioner any decision of the Security Council Committee with respect to the petition.

Consultation and co-operation

4. For the purposes of these Regulations, the Minister may consult or co-operate with any Ministry or government agency, as the Minister deems appropriate.

Made 3 November 2014
[MITI/STS/(S)/443; PN(PU2)628/V]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry